




# CODE OF ETHICS





## SEJARAH KITA

Komitmen kita untuk menjalankan perniagaan secara beretika bukan perkara baharu. Dasar Etika Korporat Carrier yang pertama telah dicipta oleh pengasas kita, Willis Carrier, pada tahun 1932. Dasar ini telah dicipta berdasarkan penyelidikan, kecemerlangan, kesetiaan dan budi bahasa. Hampir satu kurun kemudian, nilai yang sama ini kekal terbenam dalam budaya kita hari ini.



## MESEJ DARIPADA DAVE GITLIN

Di Carrier, kita mengharapkan prestasi *dan* integriti yang tinggi daripada semua pekerja kita serta semua yang berurus niaga dengan kita.

Tindakan yang menjelaskan nilai atau integriti kita untuk mencapai objektif kita tidak dapat diterima sama sekali.

Kita adalah sebuah syarikat yang komited untuk sentiasa melakukan perkara yang betul.

Tiada pengecualian.

Dave

*Dave Gitlin*

Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif, Carrier



# SELAMAT DATANG KE CODE OF ETHICS KITA

The Code of Ethics melengkapi *The Carrier Way*. Kedua-duanya menunjukkan cara nilai kita membentuk kelakuan kita. Kod tersebut memberi panduan tentang cara untuk melakukan perkara yang betul yang selari dengan visi, nilai dan budaya kita. Kod tersebut menggalakkan pemahaman melalui prinsip yang jelas, contoh sebenar dan peralatan yang praktikal. *The Carrier Way* ialah asas kepada segala perkara yang kita lakukan. Ia menentukan visi kita, mengesahkan nilai kita, menerangkan kelakuan yang mewujudkan budaya menang dan menetapkan cara kita bekerja dan menang bersama.

## The Carrier Way

### VISI

Aspirasi kita; sebab kita datang ke tempat kerja setiap hari.

Mencipta penyelesaian yang penting kepada warga dan planet kita.

### NILAI

Nilai mutlak kita; sentiasa melakukan perkara yang betul.

Hormat    Integriti    Keterangkuman    Inovasi    Kecemerlangan

### BUDAYA

Kelakuan kita; cara kita bekerja dan menang bersama, tanpa menjaskankan nilai kita.

Kegigihan untuk memenuhi  
kehendak Pelanggan  
**Kita menang apabila pelanggan  
kita menang.**

Berusaha untuk Menang  
**Kita berusaha untuk menjadi #1 dalam  
segala perkara yang kita lakukan.**

Pilih Kelajuan  
**Kita fokus dan bergerak dengan bias  
untuk tindakan.**

Capai Hasil  
**Kita mencapai matlamat dengan integriti.**

Berani membuat Perubahan  
**Kita membuat inovasi dan mengejar penyelesaian  
yang mapan.**

Bangunkan Pasukan Terbaik  
**Kita membangunkan pasukan yang pelbagai dan  
diperkasakan untuk bergerak lebih pantas.**

### NILAI

**Nilai kita menentukan *prestasi* kita setiap hari.**

### BUDAYA

**Kelakuan kita sentiasa konsisten dengan nilai kita.**



# Hormat

## Apakah yang kita maksudkan?

Kita melayan orang lain seperti yang kita ingin dilayani.

Kita mengambil tindakan untuk memastikan tiada siapa yang berasa tidak selamat atau takut di tempat kerja kita.

## Bagaimanakah kita mengamalkannya?

Kita menggalakkan semua orang untuk bersuara, meluahkan idea dan pandangan, mengemukakan soalan apabila berasa ragu dan mendengar pandangan orang lain secara terbuka.

### Contoh:

Rakan sekerja saya dan saya bersetuju tentang projek tertentu. Walaupun kami berdua mempunyai pendapat yang baik, saya mengambil nasihat rakan sekerja kita, kerana ia demi kepentingan Carrier dan pelanggan kita. Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan sekerja saya atas sokongan mereka kepada projek tersebut.

## Renung-renungkan situasi ini:

- Seorang pengurus memekik kepada seorang rakan sekerja di hadapan semua orang tentang isu prestasi mereka.
- Seorang rakan sekerja diabaikan secara beramai-ramai dalam sebuah pasukan dan diketepikan daripada menerima maklumat yang berkaitan kerana pengurus itu “menyampah” dengan pekerja itu.

Ini ialah kelakuan yang tidak dapat diterima dan tidak selari dengan *The Carrier Way*.

Kita berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pembangunan pasukan terbaik supaya kita boleh menang bersama.

**Hormat** mewujudkan persekitaran kerja positif yang membuat kita berasa terangkum dan diperkasakan untuk mencapai potensi kita dengan sepenuhnya.

# Integriti

## Apakah yang kita maksudkan?

Kejujuran, kebertanggungjawaban dan etika ialah teras perniagaan kita.

Kita melakukan perkara yang betul untuk semua pemegang kepentingan dan bersaing atas merit kita. Kita memerlukan rakan niaga kita melakukan perkara yang sama. Kita bukan sahaja mematuhi undang-undang dan dasar Carrier yang tersurat tetapi juga yang tersirat. Kita hanya memenangi perniagaan dengan cara yang betul.

## Bagaimanakah kita mengamalkannya?

Kita memilih untuk melakukan perkara yang betul dalam aktiviti harian kita.

### Contoh:

- Saya menolak laporan perbelanjaan dengan resit yang dilebih-lebihkan jumlahnya.
- Saya menolak secara sopan tiga tablet digital yang ditawarkan oleh salah seorang penjual kita kerana perbuatan itu tidak mematuhi dasar hadiah kita. Pengurus saya mengiktiraf saya untuk kelakuan beretika yang baik.

## Renung-renungkan situasi ini:

- Menyerahkan perbelanjaan peribadi sebagai perbelanjaan profesional untuk mendapatkan bayaran balik secara tidak wajar.
- Mencuri barang dari kilang dan cuba menjual barang itu untuk mendapat keuntungan.

Ini ialah kelakuan yang tidak dapat diterima dan tidak selari dengan *The Carrier Way*.

Sentiasa bertindak dengan integriti dan jujur dalam segala perkara yang anda katakan dan lakukan.

**Integriti** membolehkan kita menyampaikan yang terbaik sahaja kepada pelanggan kita.

# Keterangankuman

## Apakah yang kita maksudkan?

Kita berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang membuat kita semua berasa terangkum, tanpa mengambil kira perbezaan kita.

Kita meraikan kepelbagaian dan manfaat daripada pelbagai pandangan dan perspektif.

Kita menghargai pekerja kita berdasarkan merit, kemahiran dan penglibatan mereka.

Kita tidak toleransi SEBARANG diskriminasi.

## Bagaimanakah kita mengamalkannya?

Di Carrier, kita meraikan perbezaan kita dan memahami bahawa kepelbagaian kita merupakan salah satu aset terbesar kita.

### Contoh:

Saya mendapati perbuatan mengambil bekerja seseorang yang cacat merupakan suatu pengalaman yang lebih mudah daripada yang saya bayangkan. Saya mendapat banyak sokongan untuk memastikan tempat kerja yang memenuhi keperluan pekerja saya. Kita semua perlu bekerja bersama-sama untuk membangunkan pasukan yang terbaik.

## Renung-renungkan situasi ini:

- Bayangkan seorang pekerja yang perlu menyembunyikan orientasi seksual mereka kerana pasukan tersebut membuat komen diskriminasi terhadap komuniti LGBTQIA+.
- Seorang pengurus yang menggunakan kriteria kenaikan pangkat yang tidak telus, mengemukakan soalan tentang keadilan keputusan mereka.

Ini ialah kelakuan yang tidak dapat diterima dan tidak selari dengan *The Carrier Way*.

Menggalakkan peluang sama rata yang membolehkan kita menarik dan mengekalkan bakat terbaik dan mempunyai pekerja yang lebih gembira.

**Keterangankuman** membantu membangunkan pasukan lebih baik dan persekitaran yang lebih bekerjasama.

# Inovasi

## Apakah yang kita maksudkan?

Kita sentiasa berusaha untuk membangunkan, menambah baik dan mengembangkan perniagaan kita secara mapan.


Membangunkan budaya rintis kita, kita mencipta penyelesaian yang penting untuk warga dan planet kita.

## Bagaimanakah kita mengamalkannya?

Kita memupuk persekitaran yang menggalakkan ahli pasukan kita untuk berkongsi idea dan saranan, mencabar norma dan berani untuk membuat perubahan.

### Contoh:

Saya berbesar hati untuk menerima Anugerah Tahunan Carrier! Bukan satu perkara yang mudah untuk membuat perubahan dan ada masanya saya berasa ragu-ragu. Pemberian galakan dan pengiktirafan seperti ini mampu membuat perbezaan.



**Inovasi** ialah DNA kita.

# Kecemerlangan

## Apakah yang kita maksudkan?

Kita menyampaikan berdasarkan merit produk dan perkhidmatan kita, dengan pelaksanaan segera dan lancar.

## Bagaimanakah kita mengamalkannya?

Kita terus mengejar kualiti tertinggi dalam segara perkara yang kita lakukan dan sentiasa mengekalkan standard yang paling tinggi.

### Contoh:

Saya melaporkan isu kualiti dengan segera yang berpotensi menjadi isu keselamatan dalam projek yang dilaksanakan secara tergesa-gesa untuk memenuhi tarikh tamat pelanggan. Kegigihan saya untuk menyampaikan produk yang selamat kepada pelanggan kita sentiasa didahulukan.



Menyampaikan secara **cemerlang** adalah sebahagian daripada *The Carrier Way*.  
Kualiti dan keselamatan tidak boleh dikompromi.

# ALAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN ANDA

Kod kami akan membantu anda membuat pelbagai jenis keputusan, tetapi sentiasa libatkan orang yang sesuai untuk membantu anda, termasuk Ethics & Compliance Officer anda dan pakar dalam bidang lain (cth. HR, Kualiti, Kejuruteraan, Operasi atau Undang-undang).

Rujuk Dasar dan Kerja Standard Carrier, tersedia di [tapak e-dasar](#) atau melalui [laman web Carrier](#), yang turut dimasukkan dan dijadikan sebahagian daripada Kod ini. Contoh dasar Carrier termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

CPM4 Program Global Ethics & Compliance

CPM5 Pematuhan Antitrust

CPM7 Konflik Kepentingan

CPM8 Antirasuah

CPM9 Pematuhan Dagangan Antarabangsa

CPM12 Hubungan Kerajaan

CPM13 Hubungan Pelabur & Pematuhan SEC

# ALAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN



## Tersurat dan Tersirat

Tindakan saya bukan sahaja mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan dasar Carrier yang tersurat tetapi juga yang tersirat.



## Bolehkah saya dan Haruskah saya?

Saya bertanya kepada diri saya "Bolehkah saya?" kemudian "Haruskah saya?" dan "Adakah saya akan berasa selesa melihat hasil kelakuan saya pada liputan akhbar?"



## Dapatkan Nasihat

Apabila berasa ragu, saya mendapatkan nasihat daripada pengurus saya atau Ethics & Compliance Officer saya.



## Pimpin melalui Teladan

Saya pimpin melalui teladan dalam semua interaksi saya dengan pemegang kepentingan kita.



## Laporkan Salah Laku

Jika saya melihat sesuatu yang melanggar atau kelihatan seperti melanggar Kod atau Dasar kita, saya akan berkata sesuatu.



## Persekutaran yang Positif

Saya memupuk persekitaran kerja dan hubungan perniagaan yang positif, yang hanya menerima tindakan undang-undang dan beretika yang mencerminkan nilai teras kita.



## Tiada Tindakan Balas

Saya tidak pernah terlibat atau mempunyai toleransi terhadap tindakan balas.



## Nilai

Saya menyedari dan memahami lima nilai *The Carrier Way* dan Code of Ethics kita.



# SPEAK UP



Laporkan Dalam  
Talian

Laporkan Melalui  
Telefon

[www.corporate.carrier.com/contact-us/integrity-line](http://www.corporate.carrier.com/contact-us/integrity-line)

Apabila pekerja, kontraktor dan rakan kongsi memerhatikan atau mengesyaki sesuatu yang bercanggah dengan the Code of Ethics atau dasar kita, kita menggalakkan mereka untuk Speak Up dan melaporkan perkara itu, malah secara tidak bernama jika diingini oleh mereka. Carrier komited untuk menyediakan persekitaran pelaporan yang selamat.

## Tanpa Tindakan Balas

Carrier mempunyai **toleransi sifar** terhadap tindakan balas dalam apa jua bentuk. Sesiapa yang terlibat dengan kelakuan tindak balas terhadap mereka yang membuat laporan dengan niat yang baik akan tertakluk pada tindakan disiplin, hingga boleh diberhentikan.

